

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | UMUM | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 07 Apr 2014 | Color | Black/white |
| Section | Letters / <i>Surat Mese Ondak</i> | Circulation | 173,387 |
| Page No | 24 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 219 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,854 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,561 |



UMUM

■ MUDAHNYA wanita Indonesia dan lelaki Bangladesh bernikah dengan orang Melayu. Apa akan jadi pada bangsa Melayu pada masa depan jika perkara ini dibiarkan berterusan?

JATI

■ ORANG Melayu tak senang duduk jika sesama bangsa maju dalam perniagaan tapi boleh pejam mata melihat warga asing berniaga di mana-mana.

HAIRAN

■ MERUJUK komen SMS **Hj Shah** mengenai pemberian kerajaan sebanyak RM35 sehari kepada penduduk miskin bandar adalah salah faham sebenarnya. Cuba baca artikel sahaja habis. Kerajaan akan memberi peluang kerja sambilan.

013-233XXXX

■ PROGRAM *Fear Factor Malaysia* tidak sesuai dibuat di Afrika. Ramai selebriti yang penakut dan kuat menangis. Eloklah ditukar menjadi isukan bendang di sekitar Kedah.

PUAN DUYUNG

■ HARAP pihak RTM dapat menayangkan semula drama hebat *Pendekar Kundur* yang memaparkan aksi seni silat Melayu tulen.

PMTG KERIANG

■ MAHU atau tidak, pengguna kenderaan sendiri di Kuala Lumpur haruslah belajar menggunakan pengangkutan awam. Selain mengelakkkan kesesakan, juga akan mengurangkan pencemaran asap.

017-344XXXX

■ KEHADIRAN pemain luar dalam Liga Malaysia memang mampu menarik penonton ke stadium, namun akan menjelaskan pembentukan pasukan kebangsaan yang mantap.

017-425XXXX

■ PENEMUAN fosil dinosaurus spesies *Spinosauridae* di Pahang oleh ahli paleontologi amat mengujakan kerana spesies ini yang wujud pada era Mesozoic. Amat penting kerajaan negeri menjaga persekitaran tapak penemuan.

012-901XXXX

■ MACAM mana kita boleh kenal fosil

gigi dinosaurus, sedangkan rangkanya tiada? Keliru dengan perkara ini.

017-323XXXX

■ SERONOKNYA dah jumpa pun fosil dinosaurus *Spinosauridae Theropod* di Pahang. Diharap kerajaan negeri berusaha mewujudkan taman tema 'Jurassic Park' di Pahang untuk industri pelancongan.

BUDAK ABC

■ BOLEH ke Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020? Cuba tolak ke kiri dan ke kanan anda, sampah bersele-rakan. Rumah pangsa di Sentul pula atas bumbungnya bermacam-macam barang tersangkut dan dibuang oleh penghuni sendiri.

019-369XXXX

■ DIHARAP Radio Klasik juga dapat menyiarlagu-lagu zaman 70-an dan 80-an. Jangan terlambat banyak lagu pop yeh-yeh. Kami lahir tahun 70-an juga menggamit kenangan.

NAMZA TJ

■ SOKONG 013-904XXXX, saya pun terkena semasa pergi ke Tabung Haji nak kemas kini buku akaun isteri tetapi di beritahu petugas bahawa tak boleh dan isteri kena datang sendiri. Tak ada budi bicara langsung.

ABU BAKAR

■ KASIHAN bila melihat empat orang warga Myanmar yang dikurung, dirantai. Malang nasib mereka. Bertuahnya rakyat Malaysia yang hidup aman damai. Rakyat Malaysia harus selalu bersyukur.

INGAT ALLAH

■ BUKAN nak mencampuri hal orang lain tetapi hanya nak beri pandangan yang munasabah. sewaktu menikah bukan main artis bermegah-megah dengan tajaan itu, ini tetapi bila bab bercerai kenapa sanggup tutup mulut?

012-230XXXX

■ KEPADA semua rakyat Malaysia jangan ambil tahu tentang percerai artis ataupun kehidupan mereka kerana semua ini akan mendatangkan dosa kepada kita. Biarkanlah mereka menguruskan kehidupan mereka.

BIBAH